

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, February 16, 2020 3:30 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Berita Domestik: UUM Dipandang Sebagai Universiti Lestari



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 FEBRUARI 2020 / 22 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Fadhlal Aqilah Othman
Gambar oleh: Anjung Tamu

BERITA DOMESTIK: UUM DIPANDANG SEBAGAI UNIVERSITI LESTARI



UUM ONLINE: Tertarik dengan program pengajian yang ditawarkan UUM CAS, sekumpulan tenaga pengajar dari Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh telah bertandang ke UUM, baru-baru ini.

Kehadiran rombongan yang diketuai Ketua Unit Bimbingan dan Kaunseling, IPG Kampus Ipoh, Dr. Mariah Kamaruddin telah disambut di Anjung Tamu yang mana mereka turut beramah mesra dengan staf di situ.

Dr. Mariah berkata, kehadiran mereka ke UUM adalah bagi mengetahui lebih lanjut tentang program-program yang ditawarkan di UUM CAS dan pada masa sama beliau juga berkongsi pengalamannya pernah menjejakkan kaki ke UUM.

"UUM sangat bagus dan profesional. UUM juga adalah universiti lestari. Semoga terus cemerlang pada masa hadapan," katanya.

Rombongan IPG Kampus Ipoh itu diiringi Penolong Pendaftar dari Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), Halim Md Yatim yang membawa mereka meninjau sekitar kampus.

Menurutnya, kedatangan tenaga pengajar tersebut adalah untuk berkongsi ilmu, meningkatkan mutu perkhidmatan pensyarah Bimbingan dan Kaunseling serta menjadikan UUM sebagai panduan dalam penzahiran pengurusan dan perkhidmatan yang berkualiti untuk institut perguruan itu.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.